


Bahagian A
[30 markah]
[Masa dicadangkan : 30 minit]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan kerjaya.
Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **pemilihan kerjaya dalam kalangan generasi muda**.
Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Bahagian B

[70 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.**Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1. Keghairahan anak muda terhadap muzik moden telah menenggelamkan populariti muzik tradisional Malaysia seperti Ghazal, Dondang Sayang, Yayue dan Kirtana. Situasi ini berlaku kerana semua jenis muzik yang ada di dunia pada hari ini mudah dinikmati seiring dengan perkembangan teknologi. Namun begitu, populariti muzik tradisional masih dapat dipertahankan sekiranya aktiviti kokurikulum di sekolah dirancang dengan telitinya.

Sumber : *Internet*

Huraikan usaha yang terdapat dalam petikan di atas berserta usaha-usaha lain untuk mempopularkan muzik tersebut.

2. Warganegara yang baik merupakan aset penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Oleh itu, warganegara Malaysia yang baik sepatutnya mematuhi undang-undang negara kerana ingin menjamin keamanan dan kestabilan negara. Selain itu, mereka mempunyai semangat patriotik yang tinggi di samping menghormati kepelbagaian budaya setiap kaum.

Sumber: *Internet*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan ciri-ciri tersebut.

3. Umum mengetahui bahawa Malaysia mengamalkan hubungan diplomatik dengan negara sekitarnya seperti Indonesia, Singapura dan Thailand. Jalinan hubungan baik ini akan membantu meningkatkan pelaburan asing dan menjamin keamanan serantau melalui kerjasama antarabangsa. Di samping itu, hubungan baik ini berupaya memperkukuh imej Malaysia di peringkat dunia.

Sumber : *Internet*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan hubungan diplomatik tersebut.

4. Pakaian tradisional seperti Kebaya, Ceongsam dan Sari melambangkan warisan budaya busana sesuatu bangsa. Setiap pakaian tradisional sangat istimewa kerana memiliki ciri-ciri reka bentuk yang tersendiri. Namun begitu, peredaran zaman yang semakin pantas menyebabkan pakaian tradisional kian dilupakan ekoran lambakan fesyen barat dan hanya digayakan pada majlis-majlis tertentu.

Sumber : *Internet*

Huraikan usaha-usaha bagi mempopularkan warisan budaya tersebut.

- KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT -

